

# Syor batal kuasa presiden lulus ahli baharu tanding diperhalusi

BERITA HARIAN 24 MAY 2025

m/s: 3

Anwar perjelas permohonan sudah lalui tapisan, akan bawa cadangan Rafizi ke mesyuarat MPP

Oleh Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan membawa cadangan Datuk Seri Rafizi Ramli supaya kuasa Presiden PKR meluluskan ahli baharu parti bertanding dibatalkan ke mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP).

“Tidak mengapa, nanti saya bawa (cadangan) dalam mesyuarat. Saya punya keputusan hari itu sepatutnya saya pun tidak mahu, saya dah sebut dengan jelas pada mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP).”

“Tetapi, apabila ada permohonan yang dihantar ke pejabat saya, jadi saya luluskan semua kerana kalau saya luluskan sebahagian sahaja, nanti akan jadi masalah. Jadi, semua yang sampai ke meja saya, saya luluskan,

bagi saya tiada isu,” katanya.

Anwar ditemui selepas selesai mengundi dalam Pemilihan PKR Peringkat Pusat di Hotel Berjaya Waterfront di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Penerangan PKR, Datuk Fahmi Fadzil dan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP) PKR, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Rafizi, penyandang jawatan Timbalan Presiden, dalam kempenya mencadangkan supaya kuasa kepada presiden itu membenarkan ahli baharu bertanding dimansuhkan.

## Cetus rasa tidak puas hati

Ia selepas beliau mengkritik beberapa calon pada pemilihan itu yang bertanding walaupun baru menyertai PKR.

Rafizi mendakwa kuasa presiden yang membenarkan ahli baharu parti bertanding dalam pemilihan mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli akar umbi yang lama berjuang.

Anwar yang juga Perdana Menteri berkata, semua permohonan berkaitan perkara itu sudah melalui tapisan dan proses yang diluluskan ibu pejabat PKR termasuk latar belakang sama ada calon berkenaan mufis atau mempunyai rekod jenayah.



Anwar mengimbas muka sebelum mengundi pada Kongres Nasional Keadilan 2024/2025 di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru, semalam.  
(Foto Najmi Nor'Azam/BH)

Mengenai pengundian, Anwar berkata: “Saya tak ada bawa ‘cai’, sebab itu ambil masa panjang, nak teliti satu persatu.”

Katanya adalah lebih baik untuk melihat seseorang calon yang terbaik untuk dipilih memegang sesuatu jawatan, berbanding berpanduan senarai nama soko-

ngan atau ‘cai’.

“Tengok mana yang terbaik, kita undi. Itu yang sebaiknya,” katanya.

Ditanya sama ada beliau memilih kempen Jelajah Hidupkan Idealisme Reformasi Dalam Ujian Kuasa (HIRUK) atau Dari Akar, Membina Aspirasi Inklusif

(DAMAI), Anwar memilih kedua-duanya.

“HIRUK dan DAMAI. Kalau setengah ada ‘cai’ sana, setengah ada ‘cai’ sini, saya tak. Saya harap dalam buat keputusan, dua-dua itu diambil kira, yang dirasakan yang terbaik,” katanya.